



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**TUGAS
dan
TANGGUNGJAWAB
PEMBANTU PERUBATAN**

TARIKH: 20 OKTOBER 1988

TERAS PERKHIDMATAN

- Berazam meninggikan mutu perkhidmatan
- Bekerja dengan penuh tanggungjawab
- Berusaha mengikis sikap mementingkan diri
- Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan
- Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara
- Bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara
- Berpegang teguh kepada ajaran agama

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (1) dlm.KKm-201 (65)
Tarikh: 31 Julai 1989

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri.....

Semua Pengarah Yayasan/Institusi.

Semua Ketua Jabatan

Ketua Penolong Setiausaha Pembantu Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dato'/Tuan/Puan

Tugas dan Tanggungjawab Pembantu Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Adalah saya di arah merujuk kepada yang tersebut di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian telah meluluskan Senarai Tugas dan Tanggungjawab Pembantu Perubatan yang baru untuk pemakaian selanjutnya.

3. Dengan keluarnya surat ini, maka Senarai Tugas dan Tanggungjawab Pembantu Perubatan yang dipakai dan diedarkan melalui surat Bahagian ini Bil. (93) dlm, KKm. 87 (449/1) bertarikh 12-6-1976 adalah terbatal. Oleh itu Ketua Jabatan hendaklah memastikan Senarai Tugas dan Tanggungjawab ini dilaksanakan dan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



Ismail bin Saad
Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Timbalan Ketua Setiausaha (P & P)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Setiausaha Bahagian (P)
Semua Ketua Penolong Setiausaha (P)

<i>Bil.</i>	<i>KANDUNGAN</i>	<i>Muka Surat</i>
I.	<i>Fungsi</i>	1
II.	<i>Peranan</i>	1
	A. <i>Peranan Primer</i>	1
	B. <i>Peranan Khusus</i>	1
III.	<i>Tugas dan Tanggungjawab</i>	1
	A. <i>Peranan Primer</i>	1
	1. <i>Penjagaan Primer Perubatan</i>	1-3
	2. <i>Penjagaan Kemalangan dan Kecemasan</i>	3
	3. <i>Tugas-tugas lain</i>	3-4
	B. <i>Peranan Khusus</i>	4
	1. <i>Tugas-tugas am</i>	4-5
	2. <i>Tugas-tugas Khusus</i>	5
	3. <i>Tugas-tugas Penyelia</i>	5-6
	4. <i>Latihan</i>	6
	5. <i>Tugas-tugas Lain</i>	6
IV.	<i>Bidang Kuasa dan Batasan</i>	6-7
V.	<i>Perhubungan</i>	7
VI.	<i>Am</i>	7
VII.	<i>Lampiran I</i>	8-11
VIII.	<i>Lampiran II</i>	12-18

PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PERUBATAN

I. FUNGSI

Fungsi Pembantu Perubatan adalah memberi perkhidmatan pencegahan kuratif dan pemulihan pada tahap yang bersesuaian dalam program perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (Program-program Perkhidmatan Kesihatan) di bawah pengawasan Pegawai Perubatan.

II. PERANAN

Dua peranan utama Pembantu Perubatan adalah:

A. PERANAN PRIMER

Pembantu Perubatan memberi rawatan primer dan perkhidmatan bantuan kecemasan di Klinik-Klinik Kesihatan (Klinik Komuniti) termasuk Dispensari Statik dan Bergerak, Jabatan Pesakit Luar, Wad dan Jabatan Kemalangan dan kecemasan di Hospital-Hospital.

B. PERANAN KHUSUS

Pembantu Perubatan adalah sebahagian daripada Pasukan Perubatan yang memberi perkhidmatan bantuan di pelbagai Jabatan Kepakaran, wad dan program-program lain.

Beliau membantu dalam urusan Pentadbiran Jabatan, Hospital dan Institusi-institusi lain sebagai seorang Penyelia, Pembantu Perubatan juga dikehendaki melibatkan diri dalam program-program latihan di Jabatan-jabatan dan Institusi-institusi yang berkaitan.

III. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Pembantu Perubatan adalah bertanggungjawab kepada Pegawai Perubatan yang Menjaga Unit tempat beliau bertugas.

Tugas dan tanggungjawab Pembantu Perubatan dalam dua peranan ini adalah seperti yang berikut:

A. PERANAN PRIMER

1. PENJAGAAN PERUBATAN PRIMER

1.1 Penyaringan Pesakit

Pembantu Perubatan akan mengambil sejarah klinikal pesakit, menjalankan pemeriksaan asas fizikal yang meliputi penelitian, palpitasi, perkusi dan auskultasi.

Beliau juga meminta supaya dilakukan penyiasatan makmal klinikal ke atas air kencing, najis dan darah.

Untuk pemeriksaan perubatan, lazim dan kes-kes ulangan yang tertentu, beliau boleh meminta pemeriksaan X-Ray bagi pihak Pegawai Perubatan. Pesakit tersebut akan dihantar kepada Pegawai Perubatan untuk pemeriksaan rapi, diagnosis dan pengendalian selanjutnya.

1.2 **Memeriksa, Mendiagnosis dan Merawat Penyakit yang ringan**

Pembantu Perubatan akan memeriksa, mendiagnosis dan merawat penyakit yang ringan. Beliau juga melakukan prosedur pembedahan ringan seperti di Lampiran 1. Jika terdapat keraguan beliau dikehendaki merujuk kes tersebut kepada Pegawai Perubatan.

1.3 **Pendidikan Kesihatan**

Pembantu Perubatan dikehendaki memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit secara individu, kumpulan dan juga kepada masyarakat. Beliau juga melibatkan diri dalam kempen pendidikan kesihatan dan aktiviti-aktiviti pembangunan.

1.4 **Rujukan**

Pembantu perubatan hendaklah merujuk semua kes yang di luar kemampuannya kepada Pegawai Perubatan untuk rawatan selanjutnya. Pembantu Perubatan mesti memberikan rawatan awal atau rawatan segera sebelum merujuk sebarang kes kepada Pegawai Perubatan. Beliau juga mengendalikan kes-kes yang dirujuk kepadanya oleh kakitangan perubatan yang lain. Beliau juga dikehendaki memberi rawatan dan penjagaan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan terhadap kes-kes yang dirujuk kepadanya.

1.5 **Mendispens, Memesan dan Menyimpan**

Semasa ketiadaan Pembantu Farmasi, Pembantu Perubatan hendaklah mendispens ubat-ubatan yang telah disediakan di Klinik-Klinik Kesihatan dan di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan selepas waktu pejabat dan pada hari-hari kelepasan Am. Beliau juga perlu memesan bekalan Perubatan, Pembedahan atau keperluan-keperluan lain bagi unitnya serta menyimpannya dengan baik mengikut peraturan dan cara yang telah ditentukan. Di samping itu beliau perlu mengekalkan perhubungan yang baik dengan Pegawai Farmasi dan Pembantu Farmasi berkaitan dengan keselamatan, penyimpanan, pemberian dan keselamatan ubat-ubatan.

1.6 **Langkah Pencegahan**

Pembantu Perubatan mestilah mengambil langkah-langkah pencegahan, apabila dan sekiranya perlu dengan cara mengesan kes, pengawasan penyakit, pendidikan kesihatan, pengimunan dan pelaporan.

1.7 **Latihan**

Pembantu Perubatan hendaklah membantu apabila diperlukan dalam pelbagai program latihan yang diadakan untuk kakitangan paramedikal dan auksiliari serta kakitangan lain di bawah jajaannya.

1.8 **Dokumentasi**

Pembantu Perubatan mestilah menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan pendaftaran, penjagaan pesakit dan kematian seperti yang ditetapkan oleh pihak pentadbiran. Di samping itu beliau juga perlu menentukan semua rekod perubatan dicatatkan dengan lengkap dan disimpan dengan selamat dan sulit.

1.9 **Pemeriksaan Makmal**

Pembantu Perubatan, apabila diperlukan hendaklah menjalankan Pemeriksaan Makmal yang mudah seperti pemeriksaan air kencing, najis, kahak dan darah. Beliau juga dikehendaki menentukan cara pengambilan spesimen yang betul, penyimpanan dan pengangkutan yang selamat.

1.10 **Dispensari Bergerak**

Pembantu Perubatan dikehendaki mengendalikan Dispensari Bergerak seperti yang dijadualkan. Beliau memeriksa, mendiagnosis dan merawat penyakit-penyakit yang ringan.

1.11 **Tugas Panggilan**

Pembantu Perubatan dikehendaki membuat Tugas Atas Panggilan.

2. **PENJAGAAN KEMALANGAN DAN KECEMASAN**

2.1 **Penjagaan Kecemasan**

Pembantu Perubatan dikehendaki memberi rawatan awal dan segera serta sokongan bagi semua kes kecemasan dan merujuk kes-kes berkenaan untuk pengendalian selanjutnya. Beliau dikehendaki melakukan prosedur pertolongan kecemasan dan pemulihan pernafasan untuk memulihkan pesakit bagi mengekalkan fungsi-fungsi utama dan menghalang sebarang kemerosotan pada keadaan pesakit sehingga Pegawai Perubatan mengambil alih pengendaliannya.

2.2 **Perkhidmatan Ambulans**

Pembantu Perubatan dikehendaki mengendalikan perkhidmatan ambulans. Beliau adalah Ketua Pasukan Ambulans dan memberi rawatan kecemasan mengikut protokol yang telah ditetapkan.

3. **TUGAS-TUGAS LAIN**

3.1 Pembantu Perubatan dikehendaki memeriksa dan menyimpan semua alat pemulihan dan bekalan perubatan di Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Kemalangan dan Kecemasan dan Ambulans.

3.2 Pembantu Perubatan bertanggungjawab untuk mengutip bayaran-bayaran yang tertentu, mengeluarkan resit-resit dan mengendalikan kutipan harian mengikut Akta Fee (Medical Order) dan Arahan Perbendaharaan.

3.3 **Pentadbiran**

3.3.1 Pembantu Perubatan hendaklah menyelia kakitangan di bawah jagaannya.

3.3.2 Pembantu Perubatan hendaklah bekerjasama menggalakkan dan mengekalkan kerja secara berpasukan.

3.3.3 Beliau membantu dalam aspek-aspek tertentu pengelolaan unit penyediaan belanjawan tahunan.

3.4 **Bilik Mayat dan Pemeriksaan Bedah Siasat Mayat di Hospital. Pembantu perubatan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti yang berikut:**

(a) Menerima dan mencatat semua maklumat perihal mayat.

-
-
- (b) Menyerahkan mayat kepada waris atau penyelia untuk pengebumian kerajaan, serta menyimpan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perkara ini.
 - (c) Bertanggungjawab terhadap penyimpanan mayat secara betul.
 - (d) Membantu Pegawai Perubatan dalam bedah siasat mayat dan menyerahkan spesimen bedah siasat ke Jabatan-jabatan yang berkaitan.
 - (e) Membantu Pegawai Perubatan mengawet mayat.
 - (f) Bertanggungjawab terhadap keselamatan Jabatan.

3.5 Beliau dikehendaki melakukan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Unit, Jabatan dan Institusi.

B. PERANAN KHUSUS

Pengenalan

Tugas dan tanggungjawab Pembantu Perubatan dalam peranan khusus ini boleh dibahagikan kepada tiga aspek:

1. Penjagaan Khusus

Pembantu Perubatan dikehendaki bekerja di Unit-Unit khas yang tertentu dan wad-wad. Contohnya di Unit Ortopedik, Pembedahan Am, Bius dan Unit Rawatan Rapi, Psikiatrik, Mata, ENT, Urologi, Kardiologi, Kardiorthoraks dan unit-unit lain.

2. Pentadbiran

Selain peranan di atas, Pembantu Perubatan yang mempunyai peranan pentadbiran sebagai Penyelia di Jabatan-Jabatan, Hospital-hospital, Institusi-institusi dan program-program khas yang tertentu seperti Rancangan Pengawalan Penyakit Tibi, Kusta dan Filariasis.

3. Latihan

Pembantu Perubatan juga mempunyai fungsi dalam institusi-institusi latihan seperti Kolej Pembantu Perubatan, Sekolah Latihan Kebersihan Luar Bandar dan lain-lain.

1. TUGAS-TUGAS AM

Pembantu Perubatan yang bekerja di Unit-unit Khas melakukan tugas-tugas yang umum yang biasa dilakukan di unit-unit tersebut. Tugas-Tugas itu adalah seperti berikut:

- 1.1 Membantu Pakar-pakar dalam pengurusan unit dari segi perancangan, pengendalian dan belanjawan.
- 1.2 Menyelia kakitangan yang bekerja di bawah jagaannya.
- 1.3 Memesan, menyimpan dan merekodkan peralatan/perkakas-perkakas khas atau ubat-ubatan.
- 1.4 Mengumpul statistik, menyediakan perangkaan dan laporan.
- 1.5 Menyimpan inventori semua peralatan. Beliau dikehendaki menjaga dan memastikan semua peralatan khas berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

-
-
- 1.6 *Membantu dan melibatkan diri dalam program latihan dan pendidikan untuk kakitangan perubatan, paramedikal dan bantuan. Program-Program ini mungkin memerlukan penglibatan beliau dalam penyelidikan dan penyelarasan mesyuarat klinikal dan seminar.*
 - 1.7 *Melakukan prosedur khas diagnosis dan terapeutik di samping aktiviti-aktiviti penjagaan pesakit sebagaimana beliau telah dilatih.*
 - 1.8 *Membantu Pakar-pakar dalam pembedahan atau dalam menjalankan prosedur-prosedur khas yang tertentu.*
 - 1.9 *Membantu Pakar-pakar menilai dan menentukan kesesuaian peralatan/perkakas untuk kegunaan serta menyediakan laporan berkenaan penilaian tersebut.*

2. TUGAS-TUGAS KHUSUS

Pembantu Perubatan yang bertugas di Unit-unit Khas menjalankan tugas-tugas tertentu yang berkaitan dengan unit tempat mereka bertugas. Butiran berkaitan tugas-tugas khusus di Jabatan tersebut disenaraikan dalam Lampiran 11.

3. TUGAS-TUGAS PENYELIA

Penyelia adalah Pembantu Perubatan yang terkanan yang membantu Pengarah atau Penguasa Perubatan atau Pegawai Perubatan Yang Menjaga atau Pegawai Perubatan dan Kesihatan atau Pakar Yang Menjaga Jabatan Klinikal dalam merancang, mengelolakan, menyelaraskan, menyediakan anggaran belanjawan dan Penyeliaan Institusi, Hospital, Jabatan atau Unit. Tugas utama beliau adalah Penyeliaan Klinikal Kakitangan, Pentadbiran dan latihan kakitangan di bawah jagaannya.

3.1 **Penyeliaan kakitangan**

- 3.1.1 *Bertanggungjawab terhadap penempatan kakitangan dalam Jabatan/Unitnya serta pembahagian tugas dan menyediakan jadual tugas untuk menentukan perkhidmatan yang sempurna.*
 - 3.1.2 *Memastikan setiap jabatan, hospital dan institusi serta alam sekeliling bersih dan selamat.*
 - 3.1.3 *Memastikan semua kakitangan telah diorientasi dan faham akan tugas dan tanggungjawab mereka.*
 - 3.1.4 *Mendisiplinkan dan memastikan semua kakitangan menjalankan tugas-tugas masing-masing dengan sempurna. Beliau memulakan proses tindakan disiplin mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan.*
 - 3.1.5 *Menilai prestasi kerja kakitangannya dan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki atau membuat syor-syor yang bersesuaian.*
 - 3.1.6 *Menyelia kakitangan untuk memastikan moral mereka pada tahap yang tinggi.*
- 3.2 *Memeriksa dan memelihara peralatan perubatan supaya berada dalam keadaan baik dan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk memperbaiki peralatan tersebut jika ada kerosakan.*
 - 3.3 *Membantu pihak pentadbiran dalam pengendalian perkhidmatan ambulans.*

-
-
- 3.4 *Membantu dalam pengambilan dan pemilihan kakitangan kategori rendah.*
 - 3.5 *Membantu Ketua Jabatan Klinikal atau pihak pentadbiran dalam penyediaan spesifikasi untuk mendapatkan alat-alat perubatan yang baru.*
 - 3.6 *Membantu dalam peruntukan rumah jabatan kerajaan kepada kakitangan yang berkenaan.*
 - 3.7 *Membantu dalam penyediaan anggaran belanjawan tahunan.*
 - 3.8 *Membantu dalam pengebumian mayat yang tidak dituntut.*
 - 3.9 *Membantu dalam pengurusan dan penjagaan kenderaan.*
 - 3.10 *Membantu dalam Penyediaan laporan tahunan Unit/Hospital atau Jabatan Klinikal tempat beliau bertugas.*
 - 3.11 *Membantu dalam program latihan yang dikendalikan oleh institusi, hospital atau jabatan tempat beliau bertugas. Di Unit-unit Khas, beliau mungkin dikehendaki membantu dalam pengelolaan mesyuarat klinikal, seminar dan persidangan.*

4. LATIHAN

- 4.1 *Merancang dan menyediakan jadual pembelajaran untuk pelatih-pelatih semasa menjalani latihan klinikal.*
- 4.2 *Mengorientasikan pelatih-pelatih baru.*
- 4.3 *Mengendalikan sesi pembelajaran teori, amali dan demonstrasi. Beliau juga turut serta dalam persembahan kes dan perbincangan.*
- 4.4 *Mendidik dan membimbing pelatih semasa melakukan prosedur klinikal serta menilai kemahiran dan prestasi mereka.*
- 4.5 *Turut serta dalam khidmat nasihat kepada pelatih.*
- 4.6 *Membantu dalam penyediaan laporan penilaian perkhidmatan pelatih pada akhir tempoh penempatan.*
- 4.7 *Berhubung rapat dengan kakitangan perkhidmatan dalam mengendalikan sesi pembelajaran dan perbincangan semasa penempatan klinikal.*

5. TUGAS-TUGAS LAIN

Beliau hendaklah melakukan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Unit, Jabatan atau Institusi.

IV. BIDANG KUASA DAN BATASAN

1. *Pembantu Perubatan bertanggungjawab menjalankan tugas penjagaan pesakit mengikut tahap latihannya.*

-
-
2. Adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk merujuk kes-kes kepada Pegawai Perubatan sekiranya beliau:
 - (i) Tidak dilatih untuk merawat kes tersebut; atau
 - (ii) Tidak berupaya untuk mengendalikannya; atau
 - (iii) Menghadapi masalah dalam pengendaliannya.
 3. Adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk mendapatkan nasihat dan panduan daripada pihak atasan dalam semua hal berkaitan dengan penjagaan pesakit.

V. PERHUBUNGAN

1. Pembantu Perubatan bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Unit dalam semua tindakannya.
2. Beliau adalah seorang ahli pasukan dalam perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan. Oleh itu beliau hendaklah bekerjasama dengan ahli-ahli lain dalam pasukan tersebut.
3. Beliau hendaklah dengan sedaya upaya mengekalkan hubungan harmoni dengan orang ramai.
4. Sebarang komunikasi dengan agensi-agensi luar hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan melainkan Ketua Jabatan mengarahkan sebaliknya.

VI. AM

1. Pembantu Perubatan dikehendaki berkelakuan dengan cara yang bersesuaian dengan tradisi baik amalan perubatan.
2. Beliau hendaklah berpakaian seragam sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan hendaklah kelihatan bersih dan kemas serta mempunyai kelakuan yang sesuai yang boleh memberi keyakinan kepada pesakit.
3. Beliau dikehendaki mencapai dan mengekalkan prestasi kerja yang tinggi dalam semua aspek penjagaan pesakit.
4. Beliau hendaklah mempamerkan imej yang bersesuaian dengan aspirasi kerajaan dan objektif Kementerian Kesihatan.
5. Beliau hendaklah menghormati kebudayaan, kepercayaan dan agama orang lain.
6. Beliau hendaklah bersedia membantu dalam semua perkhidmatan yang diperlukan yang dikendalikan untuk memenuhi kehendak semasa bencana alam atau sebarang kemungkinan yang berlaku.
7. Beliau hendaklah memastikan tiada pesakit didiskriminasikan dalam apa cara atas sebarang sebab.
8. Beliau bertanggungjawab terhadap pembelajaran pelajaran profesionnya secara berterusan.

MEMERIKSA, MENDIAGNOSIS DAN MERAWAT PENYAKIT RINGAN

Semasa memeriksa, mendiagnosis dan merawat penyakit ringan yang disenaraikan di bawah, Pembantu Perubatan hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- *Jenis Penyakit.*
- *Ketenatan Penyakit.*
- *Tempoh gejala penyakit tersebut.*
- *Keadaan Penyakit.*
- *Punca nyata penyakit.*
- *Gejala-gejala penyakit yang berulang.*
- *Sebarang keadaan yang berkaitan.*
- *Kehendak pesakit.*

Selepas menimbang dengan teliti faktor-faktor di atas, Pembantu Perubatan bolehlah melakukan rawatan. Jika ada keraguan, Pembantu Perubatan hendaklah merujuk kes tersebut kepada Pegawai Perubatan.

A. SENARAI PENYAKIT DAN KEADAAN YANG BOLEH DIRAWAT OLEH PEMBANTU PERUBATAN

1. Penyakit berjangkit dan berparasit yang tidak rumit

- *Herpes Zoster.*
- *Malaria mengikut regimen yang disyorkan.*
- *Kerumunan cacing.*
- *Filariasis mengikut regimen yang disyorkan.*
- *Kudis buta.*
- *Keracunan makanan (yang ringan).*
- *Cacar air.*
- *Beguk.*
- *Campak.*

2. Kekurangan Zat Makanan

- *Penyakit yang disebabkan oleh kekurangan vitamin, zat galian dan kalori protein yang ringan.*

3. Keadaan Alahan

- *Keadaan alahan yang ringan dengan tanda-tanda di kulit.*

4. **Penyakit-penyakit organ deria**

- *Jangkitan konjunktivitis yang ringan.*
- *Inflamasi pada kelopak mata seperti ketumbit/tembel dan blefaritis.*
- *Otitis Externa.*

5. **Penyakit-penyakit sistem pernafasan**

- *Nasofaringitis akut (common cold).*
- *Laringitis akut tanpa komplikasi pada orang dewasa.*
- *Sinusitis akut tanpa komplikasi pada orang dewasa.*
- *Faringitis akut tanpa komplikasi pada orang dewasa.*
- *Tonsilitis akut tanpa komplikasi pada orang dewasa.*
- *Asma bronkial yang telah ditentukan.*
- *Batuk.*
- *Epiktaksis pada kanak-kanak.*

6. **Penyakit-penyakit pada sistem pencernaan**

- *Gingivitis*
- *Glositis*
- *Ulser aftus*
- *Stomatitis*
- *Gastroenteritis*
 - (a) *Bayi, tanpa kekeringan dalam tempoh yang singkat.*
 - (b) *Dewasa, gastroenteritis yang ringan.*
- *Loya dan muntah.*
- *Kembung flatulens.*
- *Dispepsia.*
- *Cirit-birit.*
- *Kepedihan ulu hati disebabkan oleh gastritis.*

7. **Penyakit-penyakit sistem Genitourinari**

- *Jangkitan saluran kencing yang ringan dalam tempoh yang singkat.*
- *Takungan air kencing yang akut.*

8. **Penyakit kulit dan tisu selular**

- *Bisul subkutaneus superfisial-bukan di muka tanpa komplikasi.*
- *Selulitis dan Abses yang kecil pada permukaan, bukan di muka dan tanpa komplikasi.*
- *Akne tanpa komplikasi.*
- *Kelemumur.*
- *'Cradle cap'.*
- *Ruam lampin.*
- *Pedikulosis.*
- *Kudis buta.*
- *Tinea.*
- *Moniliasis.*
- *Ketuat/Kutil.*
- *Akne Vulgaris.*

9. **Sistem tulang dan Otot**

- *Sengal/sakit otot.*
- *Sakit reumatik yang tidak boleh ditentukan.*
- *Sakit sendi.*
- *Lumbago.*

10. **Sistem saraf**

- *Sakit kepala yang ringan dalam tempoh yang singkat dan tidak berkaitan dengan penyakit yang teruk.*

11. **Gigitan dan Sengatan yang ringan**

- *Gigitan haiwan selain patukan ular dan sengatan tebuian.*
- *Sengatan serangga seperti sengatan lebah, kala dan lipan.*

B. SEMUA KEADAAN/PENYAKIT YANG TIDAK DISENARAikan DI ATAS HENDAKLAH DIRUJUK KEPADA PEGAWAI PERUBATAN, BAGI PENYAKIT/KEADAAN YANG MEMERLUKAN RAWATAN KECEMASAN PEMBANTU PERUBATAN HENDAKLAH MEMBERI RAWATAN PERMULAAN

C. SENARAI KEADAAN PEMBEDAHAN YANG MEMBOLEHKAN PEMBANTU PERUBATAN MEMERIKSA, MENDIAGNOSIS DAN MERAWAT SERTA SENARAI PROSEDUR PEMBEDAHAN YANG BOLEH DILAKUKAN.

1. *Mencuci dan menjahit luka yang ringan yang tidak melibatkan tendon, saluran darah yang besar, saraf, tulang dan tempat tertentu seperti kelopak mata.*

-
-
2. Menahan pergerakan kepatahan dan terkehel, memasang splin dan semua jenis balutan.
 3. Menghiris dan mengalirkan abses yang ringan yang tidak melibatkan muka dan buah dada.
 4. Membelah dan membuang 'sebaceous cyst' di permukaan yang tidak melibatkan muka, leher dan kepala.
 5. Terbakar dan melecur yang ringan pada permukaan, yang tidak begitu luas dan tidak melibatkan muka, tangan dan mata.
 6. Tergeliat dan ketegangan yang ringan.
 7. Tercucuk paku yang tidak dalam dan tiada komplikasi.
 8. Gigitan serangga dan haiwan yang ringan—tidak termasuk gigitan ular/tebuan.
 9. Berkhatan yang tertentu.
 10. Pengkateteran pesakit lelaki tanpa komplikasi. Pesakit ini hendaklah dirujuk kepada Pegawai Perubatan.
 11. Semua jenis balutan luka dan ulser.
 12. Infusi intravena/suntikan salina normal, salina dekstrosa bagi kes-kes kecemasan sebagai langkah menyelamatkan nyawa.
 13. Punktur vena bagi tujuan diagnosis, sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.
 14. Lavaj gaster/kurasan gaster.
 15. Enema/saponis yang mudah.
 16. Menanggalkan benang jahitan dan klip.
 17. Menukar tiub trakeotori.
 18. Keadaan atau prosedur lain yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.

TUGAS DAN TANGGUNGAN PEMBANTU PERUBATAN DALAM PENJAGAAN KHUSUS

A. JABATAN ORTOPEDIK

1. *Membantu Pegawai Perubatan dalam pembedahan ortopedik 'major' dan 'minor' termasuk manipulasi dan reduksi kepatahan dan terkehel.*
2. *Memasang atau membuat dan membuka semua jenis kas/acuan dan splin (Plaster of Paris, Bahan termoplastik, bahan kaca gentian serta pelbagai jenis sistem tarikan).*
3. *Membuat prosedur pembedahan kecil yang tertentu seperti 'wound disloughing', mengeluarkan pin Steinman, "Skeletal traction' dan fiksator eksternal seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.*
4. *Membuat pemeriksaan dan pengukuran tulang 'spine' dan anggota pesakit skoliosis dan cacat.*
5. *Melakukan prosedur khas perubatan seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.*
6. *Membantu Pakar menguruskan pelbagai klinik seperti Klinik Sakit Belakang, Klinik Tangan, Klinik Skoliosis, Klinik Patah dan lain-lain.*
7. *Membuat dan memasang splin sama ada statik atau dinamik untuk pesakit-pesakit seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.*
8. *Dalam Dewan Bedah, beliau bertanggungjawab menyediakan peralatan untuk pembedahan. Beliau juga membantu dalam memesan peralatan dan bertanggungjawab menyelenggarakan. Selain membantu dalam pembedahan, beliau juga dikehendaki memasang 'pneumatic tourniquet' dan menentukan posisi pesakit semasa pembedahan.*
9. *Di Klinik Ortopedik, beliau membantu dalam pengurusan pesakit luar. Beliau mungkin juga dikehendaki melakukan pemeriksaan-pemeriksaan awal yang perlu seperti (fizikal, makmal dan X-ray) sebelum pesakit tersebut diperiksa oleh pakar.*
10. *Di wad Ortopedik, beliau bertanggungjawab mengendalikan semua sistem tarikan yang digunakan dalam rawatan pesakit. Beliau membantu Pegawai Perubatan dalam semua prosedur rawatan yang dilakukan ke atas pesakit.*
11. *Membantu tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

B. UNIT ENT (Otorinalaringologi)

1. *Menyaring pesakit luar di atas di klinik ENT.*
2. *Membantu Pegawai Perubatan dalam pemeriksaan yang tertentu ke atas pesakit.*
3. *Melakukan prosedur diagnosis khas yang tertentu seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan (misalnya ujian kalori, 'tone decay' dan lain-lain) bergantung kepada latihan dan pengalaman Pembantu Perubatan yang bertugas.*

-
-
4. Melakukan prosedur kecil yang tertentu seperti ENT pembersihan, pembungkusan, menukar tiub trakeostomi, ear syringing, mengeluarkan benda asing dan belahan dan pengaliran.
 5. Membantu Pegawai Perubatan/Pakar Bedah dalam semua jenis pembedahan ENT.
 6. Di Dewan Bedah, beliau bertanggungjawab dalam penyediaan peralatan pembedahan sebelum dan selepas pembedahan.
 7. Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

C. JABATAN MATA (Oftalmologi)

1. Menyaring pesakit luar di klinik.
2. Melakukan prosedur diagnosis tertentu seperti mengambil tekanan 'intraokular' akuati penglihatan dan medan penglihatan ujian 'Bjerrum', carta perimetri dan hess, 'eye staining' dan lain-lain.
3. Melakukan prosedur pembedahan kecil seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan misalnya epilation, pengkuretan dan pengaliran chalazion', membuang benda-benda asing 'substarsal' dan pembuangan 'concretion'.
4. Melakukan perawatan mata seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan, misalnya 'eye irrigation', menitisikan ubat titis mata/eye oitment dan 'eyedressing'.
5. Memberi suntikan intravena dan subkonjunktive seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.
6. Membantu Pakar/Pegawai Perubatan dalam Pembedahan mata yang besar/kecil.
7. Di Dewan Bedah, beliau bertanggungjawab dalam penyediaan peralatan pembedahan sebelum dan selepas pembedahan.
8. Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

D. UNIT HEMODIALISIS

1. Melakukan hemodialisis hemoperfusi dan prosedur rawatan lain sepertimana yang diarahkan oleh Pakar Perunding Nefrologi atau pakar Perubatan yang bertugas dalam bidang Nefrologi.
2. Membuat permintaan untuk ujian yang lazim.
3. Mengawasi perkembangan keadaan pesakit dan melaporkan perkembangan tersebut kepada Pakar.
4. Melatih pesakit untuk membuat dialisis sendiri atau dialisis di rumah.
5. Mengendalikan lawatan ke rumah dan mengawasi pesakit yang menjalani rawatan dialisis di rumah.
6. Memeriksa, mengendalikan dan melakukan penentuan ukuran yang mudah pada mesin dialisis dan peralatan-peralatan lain.

-
-
7. *Membuat persediaan ke atas pesakit-pesakit untuk pemindahan buah pinggang.*
 8. *Pembantu Perubatan Kanan turut serta dalam melatih Jururawat dan Pembantu Perubatan dalam Kursus Pos Asas Perawatan Buah Pinggang.*
 9. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

E. UNIT BIUS

1. *Bertanggungjawab ke atas peralatan bius dan ubat-ubatan serta memastikan pembekalannya adalah mencukupi.*
2. *Memeriksa dan memastikan peralatan berada dalam keadaan yang memuaskan sebelum dan selepas digunakan.*
3. *Membantu Pakar Bius atau Pegawai perubatan semasa pemberian bius am dan penjagaan pesakit di bilik pemulihan.*
4. *Menyediakan, memasang dan menentukan ukuran transduser tekanan bagi pesakit yang memerlukan pengawasan berterusan. Memasang peralatan elektronik yang lain semasa pembiusan.*
5. *Memeriksa dan menyediakan troli kecemasan dan memastikan semua ubat dan peralatan berada dalam keadaan yang baik serta tersusun.*
6. *Membantu Pakar bius atau Pegawai Perubatan bius semasa kecemasan dan melakukan pemulihan dan kardiopulmonari.*
7. *Melakukan prosedur pembasmian kuman yang biasa pada semua peralatan bius, pengalih udara dan monitor.*
8. *Membuat pemeriksaan bagi memastikan gas perubatan mencukupi dan kandungannya adalah betul.*
9. *Turut serta dalam program latihan bagi Pelatih Asas dan Pelatih Pos Asas.*
10. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

F. UNIT RAWATAN RAPI (ICU)

1. *Menyelenggarakan dan melakukan prosedur pembasmian kuman dan penentuan ukuran setiap hari bagi semua peralatan rawatan pernafasan dan peralatan monitoring di Unit Rawatan Rapi misalnya pengalihan udara, invasive monitoring equipments, Bronkoskopi, mesin gas darah dan lain-lain.*
2. *Membantu Pakar atau Pegawai Perubatan memasang dan mengendalikan alat pengalih udara dan monitor pada pesakit serta mengawasi keadaan pesakit/sistem pengalih udara.*
3. *Membantu Pakar atau Pegawai Perubatan semasa melakukan prosedur-prosedur khas di Unit Rawatan Rapi seperti pengkateteraan ateri, swam ganz cath, trakeos tomi, keluaran jantung dan lain-lain.*
4. *Membantu Pakar atau Pegawai Perubatan dalam pemulihan karadiopulmonari dan memberi perhatian yang segera kepada peralatan mengesan masalah (trouble shooting equipments) sepanjang masa. Membaiki kerosakan kecil.*

-
-
5. *Melakukan prosedur analisis gas darah.*
 6. *Memeriksa gas perubatan setiap hari untuk menentukan tekanan, kebocoran dan kandungan gas yang betul.*
 7. *Membantu Pakar dalam menilai dan memesan peralatan baru dan barang yang mudah musnah (disposable products).*
 8. *Turut serta dalam program latihan misalnya Kursus Pemulihan Kardiopulmonari, Kursus Pos Asas untuk Paramedik.*
 9. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

G. UNIT KARDIOTORAKS (INVASIF)

1. *Menyediakan dan memasang mesin jantung paru-paru di bawah penyeliaan Pakar sebelum setiap pembedahan jantung terbuka (Open Heart Surgery).*
2. *Membantu Pakar dalam mengendalikan mesin jantung paru-paru semasa pembedahan pintasan karadiapulmonari.*
3. *Menyediakan, memasang dan menentukan ukuran transduser tekanan untuk pesakit yang memerlukan pengawasan invasive yang berterusan.*
4. *Memastikan semua peralatan diselenggarakan dengan baik dan melakukan pembasmian kuman yang lazim pada semua peralatan pemulihan.*
5. *Memasang dan mengendalikan alat 'intra-aorticbaloon pump' dan perentak.*
6. *Melakukan penentuan ukuran bagi mesin gas darah dan Elektrolit Serum. Mengambil contoh darah untuk penyiasatan apabila perlu.*
7. *Menyediakan dan melakukan ujian keluaran jantung apabila diperlukan.*
8. *Memotong, menyediakan dan menyusun setpam, set pam cannulae dan lain-lain peralatan/perkakas yang berkenaan untuk disterilkan dengan menggunakan etilena oksida.*
9. *Menyelenggarakan dan mengendalikan alat steril Etilena Oksida.*
10. *Membantu Pakar Bius atau Pegawai Perubatan Bius semasa induksi dan juga semasa pemulihan kecemasan.*
11. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

H. UNIT KARDIOLOGI (NON-INVASIF)

1. *Membantu Pakar dan Pegawai Perubatan dalam melaksanakan prosedur diagnosis seperti kardioekografi, kardiogram, ekokardiografi 2-dimensi dan lain-lain.*
2. *Membantu Pegawai Perubatan semasa mengendalikan ujian khas seperti ujian kontras, ujian 'stres' dan ujian "hollers".*
3. *Membantu Pegawai Perubatan dalam prosedur terapeutik seperti pemasangan sementara perentak dan peridarcial tapping, memasang alat tekanan Monitor Vena Atrium.*

-
-
4. *Memeriksa dan menyelenggarakan semua peralatan yang digunakan di unit tersebut.*
 5. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

I. UNIT KULIT (DERMATOLOGI)

Unit ini termasuk Penyakit Kulit dan Klinik Penyakit Kelamin (STD)

1. *Menyaring pesakit luar di klinik Penyakit Kulit dan Klinik Penyakit Kelamin.*
2. *Melaksanakan prosedur diagnosis awal yang lazim seperti kikisan kulit, smer uretra, ujian 'patch' dan mengambil contoh darah melalui pembuluh.*
3. *Melakukan prosedur terapeutik seperti dressing, penyapuan astringent seperti kalam permanganat ($KmNo_4$) 'wet dressing', konteri kimia, krioterari suntikan steroid di bawah kulit, suntikan ubat di otot (I/M) dan pembuluh darah.*
4. *Melakukan prosedur kecil seperti belahan dan pengaliran.*
5. *Membantu Pegawai Perubatan dalam prosedur pembedahan kecil.*
6. *Membantu Pegawai Perubatan dalam pemulihan pesakit semasa kecemasan.*
7. *Memberikan pendidikan kesihatan kepada pesakit dan orang ramai.*
8. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

J. DEWAN BEDAH

1. *Menyediakan troli, peralatan-peralatan dan kelengkapan untuk pembedahan.*
2. *Membantu Pegawai Perubatan atau Pakar Bedah semasa pembedahan besar atau kecil.*
3. *Memeriksa dan menyelenggarakan semua peralatan dalam Dewan Bedah.*
4. *Turut serta dalam pembersihan Dewan Bedah.*
5. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

K. PEMBEDAHAN PLASTIK DAN PEMBENTUKAN SEMULA (RECONSTRUCTIVE)

1. *Menyaring pesakit luar di Klinik.*
2. *Membantu Pegawai Perubatan atau Pakar Bedah dalam pembedahan besar atau kecil.*
3. *Melakukan pembalutan selepas pembedahan sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.*
4. *Membantu Pegawai Perubatan semasa lawatan di wad.*
5. *Membantu tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

L. UNIT PERUBATAN JIWA

Pembantu Perubatan yang ditempatkan di unit ini dikehendaki bertugas di Klinik dan wad perawatan jiwa lelaki.

1. *Menyaring pesakit luar di Klinik.*
2. *Melakukan prosedur-prosedur terapeutik di Klinik dan wad sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.*
3. *Melakukan prosedur-prosedur perawatan ke atas pesakit jiwa.*
4. *Melakukan terapi detoksifikasi dadah sepertimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan.*
5. *Membantu Pegawai Perubatan semasa dan selepas terapi Electrokonvulsif.*
6. *Membantu Pakar dalam merancang dan turut serta dalam program pemulihan.*
7. *Membantu Lembaga Pelawat semasa penilaian pesakit untuk mengeluarkan atau melanjutkan tempoh tinggal di wad.*
8. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

M. PROGRAM KAWALAN TIBI

Pembantu Perubatan akan bertugas di Klinik Dada dan Pasukan Pengurusan Tibi Negeri sebagai Pengelola Rawatan Tibi.

1. *Klinik Dada*
 - 1.1 *Menyaring pesakit luar yang dirujuk ke Klinik dan mendaftar pesakit tibi.*
 - 1.2 *Meminta untuk penyiasatan yang lazim seperti kahak untuk AFB dan kultur, X-Ray dada, ujian Mantoux dan lain-lain.*
 - 1.3 *Memberikan rawatan bagi kes-kes yang telah disahkan serta kes-kes susulan mengikut regime yang ditetapkan.*
 - 1.4 *Memberikan pendidikan kesihatan dan nasihat kepada pesakit-pesakit dan orang ramai.*
 - 1.5 *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*
2. *Pengelola Rawatan Tibi*
 - 2.1 *Melawat Pusat-Pusat Kesihatan, Hospital-hospital daerah untuk menyelia, membantu dan memberi nasihat kepada kakitangan kesihatan yang terlibat dalam program rawatan tibi.*
 - 2.2 *Memeriksa dan menyediakan laporan dan perangkaan tentang pesakit-pesakit yang menerima rawatan di kawasannya.*
 - 2.3 *Membantu dalam mengesan, mencari "contact" dan pesakit yang tidak meneruskan rawatan tibi (default).*

2.4 *Membantu kakitangan kesihatan dalam membuat kaunseling kepada pesakit-pesakit dan keluarga mereka serta memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai berkenaan dengan program rawatan tibi.*

2.5 *Membantu dalam merancang serta mengelolakan pusat-pusat baru untuk Program Kawalan Rawatan Tibi.*

2.6 *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

N. PROGRAM KAWALAN KUSTA

1. *Menyaring pesakit luar yang dirujuk ke klinik dan mendaftarkan pesakit pesakit kusta.*
2. *Meminta dibuat penyiasaan yang lazim bagi pesakit-pesakit yang datang ke klinik.*
3. *Menyertai program pendidikan kesihatan yang dikendalikan oleh institusi.*
4. *Membantu dalam pengesanan kes, mencari 'contact' dan pesakit yang tidak meneruskan rawatan kusta (default).*
5. *Melakukan 'slit skin smears' dan 'staining' untuk M.Lepae.*
6. *Menyelia rawatan perubatan.*
7. *Memeriksa dan menyediakan laporan dan perangkaan pesakit yang mendapatkan rawatan kusta.*
8. *Membuat tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.*

O. PROGRAM KAWALAN PENYAKIT UNTUT (FILARIASIS)

1. *Melakukan aktiviti pengesanan yang aktif dalam kawasan yang berkenaan.*
2. *Mengambil dan memeriksa smear darah periferai.*
3. *Memberi rawatan bagi kes-kes yang telah disahkan mengikut regimen rawatan yang telah ditetapkan dan membekalkan ubat-ubatan kepada kes-kes ulangan.*
